

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI KHAMIS : 7 NOVEMBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 9 HINGGA NO. 45)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI YUSUF BIN ABD. WAHAB [TANJONG MANIS] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah ada perancangan untuk membina sebuah balai bomba di Pulau Bruit dalam Parlimen Tanjong Manis. Apakah terdapat juga perancangan untuk menambah Pasukan Bomba Sukarela di kawasan yang jauh dari balai bomba terdekat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa berusaha untuk memastikan khidmat kebombaian terus diperkasa dan diperluas kepada seluruh masyarakat termasuk di Sarawak. **Kerajaan MADANI** sentiasa fokus dan komited untuk memastikan **tiada jurang dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan**, malah ia merentas kepelbagaian geografi penduduk selaras dengan prinsip ***Leave No One Behind***.

Berdasarkan semakan terkini melalui **Kajian Risiko Kebakaran (*fire cover analysis*)**, skor risiko di kawasan Pulau Brait adalah **6 markah** yang boleh diklasifikasikan sebagai kawasan mempunyai risiko kebakaran tetapi dalam **kategori yang amat rendah** serta keperluan bagi menempatkan **Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) yang baharu adalah kurang mendesak**. Dalam menentukan pewujudan sesuatu BBP baharu di kawasan yang berisiko, Kementerian masih berpegang dan merujuk kepada keputusan kajian ini melalui penggunaan **aplikasi TM SmartMap 1.0** dan telah dinaik taraf serta dijenamakan sebagai ***Fire Cover Mapping System (FICOMS)***.

Dalam usaha mempercepatkan tempoh masa bertindak (*response time*), khidmat kebombaian di kawasan tersebut dibantu oleh **Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Pulau Brait** dengan kekuatan **anggota seramai 16 orang** yang telah diberi latihan dan dibekalkan dengan sut baju api, pam angkut serta hos oleh JBPM Negeri Sarawak. **JBPM Negeri Sarawak juga dalam perancangan menambah jumlah pasukan PBS sedia ada di kawasan Pulau Brait termasuk penubuhan PBS Semop dan PBS Kampung Tekajong**.

NO SOALAN : 9

Walau bagaimanapun, pendaftaran pasukan perlu dibuat dengan pihak **Jabatan Pertubuhan Pendaftaran Malaysia (ROS)** melalui sistem dalam talian untuk membolehkan aktiviti dilaksanakan secara sah. Dalam hubungan ini, KPKT melalui JBPM akan sentiasa membantu dan memberikan sokongan bagi membolehkan pasukan sukarela yang belum berdaftar melaksanakan pendaftaran dan diharapkan Ahli Yang Berhormat juga dapat memberikan sokongan sepenuhnya bagi mana-mana komuniti yang berminat untuk membuat pendaftaran PBS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN
MOHAMAD JAN [PERMATANG
PAUH]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MUHAMMAD FAWWAZ BIN MOHAMAD JAN [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kementerian berhubung dasar Generasi Penamat (GEG) mengambil kira tahap keberkesanan program yang sedia ada khususnya untuk mengurangkan tabiat merokok dalam kalangan belia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan komited untuk meneruskan usaha ke arah membentuk satu generasi yang bebas dari sebarang bentuk amalan merokok selari dengan Pelan Strategik Kebangsaan bagi Kawalan Tembakau dan Produk Merokok 2021-2030 walaupun Dasar Generasi Penamat Rokok (GEG) telah digugurkan daripada Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan 2024 [*Akta 852*].

2. Hala tuju ini dapat dicapai melalui kerjasama dan sinergi strategik pelbagai Kementerian dan agensi dalam menjalankan aktiviti advokasi yang berterusan, pemeraksanaan masyarakat dan mewujudkan persekitaran yang sihat serta pelaksanaan Akta 852 yang berkuat kuasa pada 1 Oktober 2024.

3. Akta 852 ini mengawal secara komprehensif bagi semua jenis produk merokok, termasuk kawalan penjualan, larangan promosi, pengiklanan dan tajaan dalam melindungi golongan kanak-kanak dan remaja daripada pendedahan kepada produk merokok.

4. Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa inisiatif meliputi aktiviti advokasi, pencegahan dan intervensi bagi mengurangkan tabiat merokok dalam kalangan belia melalui Pelan Advokasi lima (5) tahun bagi memperkukuhkan lagi aktiviti pencegahan merokok sedia ada. Antaranya adalah:

(a) **Program Kesihatan Oral Tanpa Amalan Merokok (KOTAK)**

Program ini telah dimulakan pada 2016 dan melibatkan sejumlah 2,413,761 pelajar sekolah rendah di seluruh Malaysia yang telah disaring. Daripada jumlah yang disaring, seramai 374 pelajar didapati merokok telah diberikan intervensi berhenti merokok. Bagi pelajar sekolah menengah pula, seramai 1,540,035 pelajar telah disaring dan 38,010

pelajar yang didapati merokok telah diberikan intervensi berhenti merokok.

(b) **Kerjasama atau sinergi strategik dengan kementerian dan agensi lain,**

Kerjasama ini termasuk dengan Kementerian Belia dan Sukan, dalam menguat kuasa larangan membawa masuk produk merokok ke dalam fasiliti sukan di bawah kelolaan KBS adalah langkah strategik yang amat penting untuk mempromosikan gaya hidup sihat. Inisiatif ini bukan sahaja bertujuan mengurangkan pendedahan kepada merokok, tetapi juga meningkatkan kesedaran mengenai risiko kesihatan yang berkaitan, terutamanya dalam kalangan belia.

(c) **Program bersama pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO).**

Terbaharu, pelaksanaan **Program Walkabout Premis Bersih, Bebas Asap (BeBAs)** iaitu satu program baharu yang merupakan **simbolik kerjasama** antara pengusaha premis makanan dengan agensi kerajaan, agensi swasta, rakan sukarelawan, badan profesional dan badan bukan kerajaan (NGO). Konsep *walkabout* ini **menitikberatkan transformasi tingkah laku** dan **pemeriksaan masyarakat** dalam memastikan peraturan kebersihan makanan dan larangan merokok di premis makanan sentiasa dipatuhi.

(d) **Program Perkhidmatan Berhenti Merokok mQuit**

Program di universiti iaitu satu program di mana setiap Pusat Kesihatan Pelajar menyediakan perkhidmatan kepada mahasiswa yang ingin berhenti merokok. Hingga kini, sejumlah 16 Pusat Kesihatan Pelajar telah menyediakan perkhidmatan ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH
[LEDANG]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan secara jelas perkembangan pelaksanaan Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) bagi negeri Johor dan unjuran manfaat yang akan dinikmati rakyat negeri Johor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2023, sebanyak 269 permohonan Projek Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) dari negeri Johor telah diterima oleh Kementerian Ekonomi. Daripada jumlah tersebut, 83 projek yang memenuhi garis panduan IKR telah disenarai pendek di peringkat Kementerian Ekonomi dan dikemukakan kepada agensi pelaksana untuk semakan kebolehlaksanaan. Walau bagaimanapun, berdasarkan siasatan tapak, hanya 15 projek yang setuju dilaksanakan oleh agensi yang dipilih oleh pemohon manakala 68 projek ditolak oleh agensi pelaksana.

2. Sehingga 30 Oktober 2024, sebanyak 531 projek telah diterima dari negeri Johor. Daripada jumlah tersebut, Kementerian Ekonomi telah menyenarai pendek 143 projek dan dikemukakan kepada agensi pelaksana. Walau bagaimanapun, hanya 33 projek sahaja diterima, 12 projek ditolak dan baki 98 projek masih dalam siasatan kebolehlaksanaan.

3. Peruntukan yang disalurkan kepada agensi pelaksana untuk projek yang dilaksanakan oleh agensi di negeri Johor pada tahun 2023 dan tahun 2024, masing-masing berjumlah RM2.15 juta dan RM2.4 juta. Jumlah keseluruhan yang telah disalurkan dari tahun 2023 sehingga 30 Oktober 2024 adalah sebanyak RM4.55 juta.

4. Pelaksanaan Projek IKR oleh agensi Kerajaan yang dilantik akan memanfaatkan kontraktor tempatan di negeri Johor secara tidak langsung menjana pertumbuhan ekonomi masyarakat setempat. Selain itu, dengan adanya projek IKR, isu-isu melibatkan pembinaan baharu, penyelenggaraan dan naik taraf infrastruktur awam kecil yang sering dihadapi oleh rakyat dapat diselesaikan segera. Faktor ini turut mengambil kira kekangan pelaksanaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) disebabkan oleh kekangan peruntukan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN
ABAS [MERSING]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI MUHAMMAD ISLAHUDDIN BIN ABAS [MERSING] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sejauh manakah pihak Kerajaan telah mengkaji penggunaan teknologi AI dalam sektor pertahanan negara ke arah mengatasi jurang keupayaan AI dalam sektor pertahanan serta kajian perbandingan dengan negara-negara jiran di rantau ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pertahanan sedang menjalankan kajian mendalam mengenai aplikasi teknologi *Artificial Intelligence* (AI) dalam sektor pertahanan. Ini merupakan sebahagian daripada usaha strategik untuk merapatkan jurang keupayaan dalam aspek tersebut. Kajian ini meliputi pelbagai perkara penting seperti:

a. Penggunaan AI dalam sistem persenjataan – yang menumpukan kepada, antara lain, keupayaan teknologi AI dalam meningkatkan ketepatan serangan sambil mengurangkan kerosakan sampingan semasa operasi ketenteraan;

b. AI dalam keselamatan siber – yang menumpukan kepada penggunaan AI untuk mengesan, mencegah, serta bertindak balas terhadap serangan siber, melindungi rangkaian kritikal; dan

c. Pemprosesan dan analisis data – yang menumpukan kepada penggunaan teknologi AI bagi memproses data dari pelbagai sumber untuk mengenal pasti corak dan ancaman, lalu meningkatkan kesedaran situasi dan keupayaan pertahanan.

2. Memanfaatkan AI dalam membuat keputusan secara pantas adalah elemen penting dalam memperkukuhkan kawalan dan operasi ketenteraan.

3. Walau bagaimanapun, pembangunan infrastruktur AI yang kukuh dan selamat perlu diwujudkan terlebih dahulu bagi menyokong sistem pertahanan.

4. Pada masa yang sama, Kerajaan turut menekankan pembangunan bakat, kolaborasi dengan institusi akademik dan industri, serta rangka kerja etika yang jelas untuk memastikan penggunaan AI dijalankan secara bertanggungjawab dan selaras dengan etika antarabangsa.

NO SOALAN : 12

5. Sebagai perbandingan dengan negara jiran, Singapura telah mengambil tindakan memeterai kerjasama dengan Perancis melalui penubuhan Makmal Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Bersama untuk membangunkan keupayaan kecerdasan buatan dalam bidang pertahanan pada April 2023.

6. Berdasarkan perkembangan ini, Kementerian Pertahanan percaya yang Malaysia juga perlu memulakan usaha yang lebih sistematik untuk mengurangkan jurang keupayaan pertahanan dengan menyesuaikan penggunaan AI, seiring dengan tren serantau.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LO SU FUI [TAWAU]

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LO SU FUI [TAWAU] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha mengadakan kursus peningkatan kemahiran (Program Upskilling dan Reskilling) bagi mengurangkan 178,600 penganggur di Sabah yang salah satu faktornya adalah disebabkan peningkatan gaji minimum di mana segelintir majikan mengurangkan pekerja yang tidak kompeten serta tidak mempunyai kemahiran yang relevan bagi mengurangkan kos operasi perniagaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) akan meneruskan mandat dan agenda Kerajaan dalam memastikan pekerja tempatan termasuklah perantis dan pelajar pusat pengajian tinggi terus mendapat latihan kemahiran menerusi pelaksanaan program *upskilling* dan *reskilling* bagi mengurangkan pengangguran di Sabah.

Antara skim di bawah levi yang boleh dimanfaatkan oleh majikan ialah Skim Latihan Industri atau lebih dikenali sebagai *Industrial Training Scheme* (ITS). Skim ini membolehkan majikan mendapat bantuan kewangan sekiranya mereka ingin mengambil pelajar tempatan daripada universiti, kolej atau institusi latihan bagi tujuan latihan industri di syarikat mereka. Bantuan kewangan berbentuk elaun bulanan boleh dimohon menggunakan levi seperti yang diputuskan oleh majikan dan akan diberikan kepada pelatih sekurang-kurangnya antara dua (2) hingga dua belas (12) bulan sepanjang tempoh latihan industri mereka. Setakat 31 Ogos 2024, Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah meluluskan sebanyak 8,726 bilangan pelatih bagi mengikuti skim ITS dengan bantuan kewangan sebanyak RM16.45 juta. Skim ini akan terus dilaksanakan secara berterusan bagi memberi peluang kepada pelajar-pelajar menjalani latihan industri sebelum mereka menempuhi alam pekerjaan.

Selain itu, terdapat Skim Latihan Bakal Pekerja atau lebih dikenali sebagai *Future Workers Training* (FWT) juga di bawah levi turut dilaksanakan bagi menggajikan dan melatih bakal pekerja tempatan dengan kemahiran yang diperlukan supaya melaksanakan tugas mereka dengan pengawasan minimum selepas latihan. Skim ini mensasarkan kepada individu yang berumur 18 tahun ke atas dan majikan wajib mengambil bekerja selepas tamat latihan. Setakat 31 Ogos 2024, PSMB telah meluluskan sebanyak 1,418 bilangan pelatih bagi mengikuti skim FWT dengan bantuan kewangan sebanyak RM2.98 juta.

NO SOALAN : 13

KESUMA menerusi jabatan dan agensi sedia ada dari semasa ke semasa akan menambah baik langkah-langkah sedia ada dan akan mewujudkan lebih banyak program atau mekanisme bagi membantu para siswazah mendapatkan pekerjaan sesudah tamat pengajian di peringkat universiti, kolej atau institusi latihan seterusnya dapat menangani isu pengangguran di Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KALAM BIN SALAN
[SABAK BERNAM]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN KALAM BIN SALAN [SABAK BERNAM] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan Lembaga Rempah Negara untuk memperkasakan industri rempah negara dan menambah pendapatan rakyat serta menjadikan rempah sebagai satu hasil komoditi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tanaman rempah di Malaysia adalah merupakan tanaman yang beraroma terdiri daripada tanaman yang digunakan dalam masakan atau perubatan seperti halia, kunyit, serai dan sebagainya. Industri rempah merupakan industri yang menyumbang kepada ekonomi dan menjadi warisan budaya negara. Dari tahun 2020 sehingga 2023, industri rempah menyumbang sebanyak 0.29% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pertanian dengan nilai sebanyak RM296.3 juta.

Program Pembangunan Kluster Herba yang dilaksanakan di bawah Projek Pemacu Pertanian Produk Herba Bernilai Tinggi bertujuan meningkatkan produktiviti tanaman herba/rempah ratus dengan membekalkan bahan mentah herba secara konsisten kepada pemproses dan pengilang berasaskan herba. Keluasan semasa tanaman rempah yang direkodkan pada tahun 2023 adalah seluas 5,963 hektar dengan pengeluaran sebanyak 56,753 tan metrik. Negeri Johor merupakan negeri penanaman rempah utama di Malaysia dan tanaman serai merupakan tanaman yang paling banyak ditanam di Malaysia melibatkan keluasan seluas 1,981 hektar dengan pengeluaran tahunan sekitar 18,584 tan metrik.

Pada masa ini, Kementerian belum bercadang untuk mewujudkan Lembaga Rempah Negara kerana fokus Kementerian berdasarkan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang memberikan tumpuan khusus kepada empat (4) subsektor iaitu padi dan beras, buah-buahan dan sayur-sayuran, ternakan serta perikanan dan akuakultur. Program sedia ada yang dilaksanakan melalui struktur semasa mampu meningkatkan produktiviti rempah negara. Namun, perkara ini akan diteliti dengan lebih lanjut sekiranya terdapat keperluan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR]
TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan senarai konsert yang akan diadakan di Malaysia pada tahun 2025 dan jumlah limpahan ekonomi yang dijangka akan dibawa oleh konsert-konsert ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi melalui Unit Permohonan Penggambaran Filem Asing dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) komited dalam menyokong penganjuran konsert di Malaysia khusus melibatkan persembahan artis luar negara.

Berdasarkan rekod penganjuran konsert pada tahun 2023 dan 2024, dianggarkan 200 konsert bakal diadakan pada tahun 2025 Sehingga 31 Oktober 2024, berdasarkan rekod pra permohonan penganjuran konsert yang dikemukakan oleh pihak penganjur, sebanyak 21 konsert melibatkan artis luar negara bakal diadakan pada tahun 2025. Jumlah ini akan bertambah kerana syarat permohonan adalah 14 hari sebelum konsert diadakan. Penganjuran 21 konsert ini dijangka melibatkan 160,500 penonton yang akan memberikan limpahan ekonomi sebanyak RM80.25 juta melibatkan pelbagai sektor seperti perhotelan, sewaan, pengangkutan dan makanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE LIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD HASNIZAN BIN HARUN [HULU SELANGOR] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan dan peratusan pemilik rumah PPR yang dikesan telah menyewakan unit kediaman mereka kepada pekerja-pekerja asing dan PATI serta jelaskan tindakan yang telah diambil oleh Kementerian bagi menangani masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyahut seruan Kerajaan MADANI untuk menjamin kesejahteraan rakyat dalam setiap inisiatif yang dilaksanakan. Selaras dengan komitmen ini, KPKT sentiasa berusaha menyantuni keperluan rakyat terutamanya golongan B40 untuk menyediakan perumahan yang mampu dimiliki dan berdaya huni. Antara inisiatif Kementerian dalam menyediakan **Rumah Mampu Milik (RMM)** adalah melalui **Program Perumahan Rakyat (PPR)** yang terbahagi kepada **dua (2) skim iaitu Skim PPR Disewa dan Dimiliki**.

Sehingga kini, **terdapat 166 projek PPR di seluruh negara dengan pengisian sebanyak 94.4%**. Daripada jumlah tersebut, **sebanyak 22 PPR adalah di bawah seliaan KPKT yang melibatkan 20 PPR di bawah Skim PPR Dimiliki manakala dua (2) PPR lagi di bawah Skim PPR Disewa (PPR Pasir Mas dan PPR Lembah Subang 1)**. Selebihnya iaitu **144 projek PPR lain adalah di bawah pengurusan negeri masing-masing**. Salah satu syarat kelayakan yang ditetapkan bagi program PPR adalah pemohon dan pasangan mestilah berstatus warganegara Malaysia.

Berdasarkan perjanjian di antara pihak Kerajaan dan peserta PPR, di bawah klausa "Obligasi Penyewa", telah dinyatakan bahawa peserta tidak dibenarkan untuk menyewakan atau menyerahkan atau melepaskan milik atau memindahkan apa-apa bahagian unit tersebut (unit PPR) kepada individu lain, termasuklah warga asing tanpa kebenaran bertulis daripada pihak Kerajaan.

Sekiranya dikesan berlaku kes penyewaan sublet kepada pihak ketiga sama ada kepada warganegara, warga asing atau mana-mana pihak lain, **peserta yang melanggar perjanjian ini akan diberikan notis amaran dan seterusnya kontrak penyewaan boleh dibatalkan**. Kementerian memandang serius dan akan mengambil tindakan yang tuntas dalam menangani isu ketidakpatuhan terhadap perjanjian. Ini juga

NO SOALAN : 16

mencakupi segala syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam perjanjian seperti pengubahsuaian struktur, kegagalan membayar sewaan / bayaran bulanan atau menyebabkan sebarang kacau-ganggu yang menjejaskan ketenteraman di PPR.

Berhubung dengan bilangan dan peratusan pemilik rumah PPR yang telah menyewakan unit PPR kepada pekerja asing atau PATI, **setakat ini Kementerian tidak pernah menerima sebarang aduan rasmi atau laporan berkenaan isu ini.** Walau bagaimanapun, sebagai langkah proaktif, **Kementerian telah mengadakan program pemeriksaan bagi PPR** bagi menangani cabaran ketidakpatuhan peserta PPR terhadap perjanjian ini. Buat masa ini, proses pemantauan peserta-peserta PPR sedang dilaksanakan oleh ejen-ejen pengurusan yang dilantik bagi mengenal pasti penduduk yang tinggal di unit PPR berkenaan.

Selain itu, KPKT akan sentiasa menjalankan **pemantauan secara berkala** bagi mengelakkan peserta melanggar syarat pematuhan menduduki PPR Disewa. **Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat berkaitan ketidakpatuhan, termasuk pemilik rumah PPR yang didapati menyewakan unit kediaman kepada pekerja asing atau PATI, boleh melaporkan terus kepada Kementerian untuk tindakan lanjut oleh pihak KPKT.** Tindakan ini diambil bagi memastikan PPR kekal sebagai program perumahan khusus untuk warganegara Malaysia yang memerlukan serta mengelakkan manipulasi ke atas unit-unit kediaman.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA
[PUTATAN]**

TARIKH : **7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)**

SOALAN

DATUK IR. SHAHELMEY BIN YAHYA [PUTATAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang diambil untuk memastikan nisbah lokaliti dan nisbah doktor di kawasan yang ramai pesakit dan adakah Kementerian bercadang untuk menambah jumlah doktor di hospital yang sesak dengan pesakit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan memastikan penempatan doktor di sesebuah hospital berdasarkan tetapan berikut:

- (a) Norma bilangan jawatan berdasarkan kepada jenis dan kapasiti fasiliti. Piawaian doktor di hospital turut mengambil kira bilangan katil yang beroperasi. Semakin banyak bilangan katil bermaksud semakin besar beban kerja di fasiliti tersebut. Oleh yang demikian lebih ramai petugas kesihatan akan ditempatkan untuk memberikan perkhidmatan kesihatan yang optimum.
- (b) Jumlah katil di sesebuah hospital / klinik kesihatan juga dikaitkan dengan populasi melalui analisis nisbah *bed to population ratio* (BPR). Dengan mengambil kira jumlah populasi di sesebuah lokaliti, kementerian dapat menentukan bilangan katil yang diperlukan untuk menguruskan jumlah pesakit, seterusnya membantu menentukan bilangan doktor yang perlu ditempatkan di kawasan tersebut.
- (c) kementerian turut mempertimbangkan keperluan perkhidmatan kepakaran untuk memastikan setiap fasiliti mempunyai tenaga kerja berkemahiran dalam bidang yang diperlukan.

2. Buat masa ini, penetapan keperluan pegawai perubatan dibuat berdasarkan norma dan outfit perjawatan serta mengambil kira beban kerja di sesebuah fasiliti kesihatan. Selain itu, keperluan tambahan pegawai perubatan diuruskan menerusi penempatan pegawai lantikan kontrak (*contract of service*) dan penempatan/ pertukaran pegawai ke fasiliti yang lebih memerlukan.

3. Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa sentiasa meneliti keperluan pegawai perubatan bagi memastikan perkhidmatan perubatan dapat disampaikan secara berkualiti dan berkesan. Setakat 30 Jun 2024, seramai 51,793 pegawai perubatan berkhidmat di Kementerian Kesihatan meliputi 36,897 pegawai perubatan lantikan tetap dan 14,896 pegawai perubatan kontrak.

4. Kementerian Kesihatan juga komited untuk terus melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan lagi bilangan pegawai perubatan di hospital dan klinik kesihatan. Antara inisiatif yang telah dan sedang

dijalankan ialah:

- (a) telah meningkatkan slot latihan siswazah daripada 10,835 pada tahun 2013 kepada 12,198 slot pada tahun 2024 bagi tujuan latihan siswazah perubatan;
- (b) meneruskan pelantikan pegawai perubatan siswazah sebanyak 6 kali setahun dengan sela masa 2 bulan berbanding dengan tempoh menunggu lebih satu (1) tahun sebelum ini;
- (c) memohon pewujudan kepada agensi pusat sekurang-kurangnya 1,500 jawatan pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi pada setiap tahun dari tahun 2023 hingga tahun 2025 selaras dengan keputusan Kerajaan;
- (d) memohon pewujudan kepada agensi pusat sebanyak 800 perjawatan pakar perubatan dan 76 pakar pergigian pada setiap tahun selaras dengan keputusan Kerajaan;
- (e) mengemukakan permohonan kepada agensi pusat untuk mewujudkan jawatan tambahan pegawai perubatan bagi fasiliti baharu dan dinaik taraf; dan
- (f) melaksanakan urusan pengambilan pegawai perubatan tetap menerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan menambah pengisian pegawai perubatan secara kontrak;

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM
[GUA MUSANG]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MOHD AZIZI BIN ABU NAIM [GUA MUSANG] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status terkini Kementerian melalui KESEDAR sebagai agensi pelaksana mengenai cadangan pembinaan 2 Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) di Gua Musang bagi meningkatkan taraf ekonomi peneroka KESEDAR.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, KESEDAR sedang melaksanakan dua (2) projek Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) iaitu di Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Paloh 2 dan RKT Sungai Asap, Gua Musang, Kelantan. KESEDAR telah melantik Perunding Utama (LC) bagi kedua-dua Projek PPD ini bermula pada 01 Januari 2024. Sehingga kini, kerja-kerja perundingan telah pun berjalan dan dijangka kelulusan kebenaran merancang daripada PBT akan diperolehi selewat-lewatnya pada bulan Jun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sama ada keputusan untuk menarik balik subsidi RON95 telah dibatalkan ataupun sekiranya masih diteruskan sama ada julat pendapatan akan dinaikkan daripada RM100,000 setahun kepada RM200,000 setahun dengan bantuan kewangan progresif secara berperingkat agar tidak mengabaikan golongan M40 dan golongan perniagaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan secara prinsipnya telah bersetuju untuk pelaksanaan subsidi RON95 pada pertengahan tahun 2025 sebagaimana yang telah dimaklumkan semasa ucapan Belanjawan 2025 pada 18 Oktober 2024 dengan menentukan penyasaran semula subsidi RON95 akan memastikan majoriti rakyat (85%) kekal menikmati subsidi.

2. Di samping itu, penyasaran subsidi RON95 akan dilaksanakan secara bersasar dan penerima subsidi RON95 akan dikenal pasti berdasarkan perbelanjaan asas kehidupan wajar (PAKW). Melalui PAKW, peralihan daripada pengkelasan pendapatan kasar kepada pendapatan boleh guna bersih akan memastikan penentuan kelayakan penerima bantuan yang lebih adil. Kaedah ini telah mengambil kira faktor yang dapat memberi gambaran yang lebih lengkap mengenai kedudukan sebenar kewangan isi rumah dengan mengenal pasti jumlah amaun sebenar yang boleh digunakan setelah ditolak semua potongan wajib, seperti cukai pendapatan, zakat dan caruman kepada KWSP/ PERKESO.

3. Ini membolehkan penilaian yang lebih realistik terhadap kemampuan kewangan isi rumah dalam memenuhi keperluan kehidupan. Di samping itu, penggunaan pendapatan boleh guna bersih akan dapat mengurangkan ralat keciciran dalam pengagihan bantuan (*inclusion and exclusion error*) dengan memastikan golongan yang benar-benar layak sahaja menerima bantuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR SALAK] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah pihak Kementerian telah mengkaji keperluan untuk menaikkan harga lantai belian padi bagi mengimbangi kenaikan kos mengusahakan sawah seperti yang dicadangkan oleh Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) berikutan kenaikan upah jentera menuai dan membajak berikutan penyasaran subsidi diesel.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKM sentiasa memastikan kebajikan pesawah terjaga melalui pemberian subsidi dan insentif dari semasa ke semasa bagi membantu mengurangkan kos pengeluaran padi. Melalui Belanjawan 2024, Kerajaan telah mengumumkan kenaikan harga lantai belian padi kepada RM1,300 per tan metrik daripada RM1,200 per tan metrik bagi membantu meningkatkan pendapatan pesawah. Bagi membantu pesawah yang berhadapan peningkatan kos operasi jentera dan kos upah dalam rangkaian aktiviti penanaman padi berikutan penyasaran subsidi diesel, KPKM telah mengeluarkan syor harga siling kos upah bagi kerja membajak dan menuai padi yang mengambil kira harga diesel semasa yang berkuat kuasa pada 23 Ogos 2024. Syor berkenaan dicapai menerusi sesi libat urus Kementerian bersama penyedia perkhidmatan mekanisasi pembajakan dan penuaian yang telah diadakan yang bertujuan mendapatkan maklum balas pasaran terhadap kos upah yang lebih relevan dan tidak membebankan pesawah. Jadual syor harga siling kos upah adalah seperti berikut:

HARGA SILING KOS UPAH BERKUAT KUASA 23 OGOS 2024				
	JENTUAI (RM)	BAJAK 1 (RM)	BAJAK 2 (RM)	BAJAK 3 (RM)
Kedah & Perlis (per relung)	180	120	110	110
Kelantan & Terengganu (per ekar)	13 (per guni)	170	140	130
Selangor & Perak (swasta) (per hektar)	100 (per tan metrik)	200	180	180

NO SOALAN : 20

Dalam hal ini, harga rantai belian padi masih ditetapkan pada RM1,300 per tan metrik dan pihak Kementerian akan mempertimbangkan kenaikan harga rantai belian padi setelah mengambil kira implikasi di sepanjang rantai padi dan beras negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO ANYI NGAU [BARAM] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan syarat-syarat berkenaan kelulusan lesen Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta tindakan pihak Kementerian supaya ramai lagi golongan muda dapat melibatkan diri dalam kontrak-kontrak Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat pendaftaran kontraktor CIDB adalah tertakluk kepada Gred Pendaftaran daripada G1 sehingga G7. Syarat asas pendaftaran adalah:

(A) Berdaftar dengan Pendaftar Syarikat atau Pendaftar Perniagaan

Operasi perniagaannya perlu berdaftar dengan mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan di Malaysia seperti:

1. Suruhanjaya Syarikat Malaysia, SSM (Pendaftaran Syarikat /Pendaftaran Perniagaan/ Perkongsian Liabiliti Terhad).
2. Pendaftaran Perniagaan (Cap 64), Ekstrak Perniagaan & Lesen Perdagangan– Borang I (negeri Sarawak)
3. Lesen Perniagaan- Borang B (negeri Sabah)
4. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
5. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)

(B) Memenuhi Syarat Modal Minima yang ditetapkan

Had minima kewangan (modal berbayar / modal terkumpul) yang perlu dimiliki oleh pemohon adalah berbeza mengikut Gred Pendaftaran seperti berikut:

- G1 - RM 5,000 (PPK), RM10,000 (SPKK)
- G2 – RM 25,000.00
- G3 – RM 50,000.00
- G4 – RM 150,000.00
- G5 – RM 250,000.00
- G6 – RM 500,000.00
- G7 – RM 750,000.00

(C) Memenuhi Kelayakan Personel Teknikal yang ditetapkan

Personel Teknikal adalah terdiri daripada sama ada pemilik/pengarah atau pekerja Syarikat yang digajikan sepenuh masa. Mereka juga mestilah warganegara Malaysia yang mempunyai sijil teknikal /Diploma/ Ijazah yang berkaitan dalam bidang pembinaan. Kelayakan minima Personel Teknikal yang diperlukan adalah berbeza bagi setiap gred pendaftaran seperti di **Jadual 1 di Lampiran**. Rujukan lanjut berkaitan syarat dan keperluan lain serta perincian proses pendaftaran boleh dibuat ke laman web CIDB <https://www.cidb.gov.my/> > Program Untuk Industri > Kontraktor > Pendaftaran Kontraktor atau **Buku Keperluan Prosedur Pendaftaran Kontraktor** yang turut boleh dimuat turun daripada laman web tersebut.

Kerajaan telah mengumumkan pembukaan semula pendaftaran kontraktor G1 Bumiputera pada 16 Ogos 2019 bagi membolehkan kontraktor yang bekelayakan memohon untuk berdaftar sebagai kontraktor G1 Bumiputera pada 1 September 2019. Selaras dengan itu, kerajaan telah mewajibkan pemilik syarikat atau personel teknikal yang digajikan bagi Syarikat G1 untuk memiliki sama ada Sijil Akademik daripada Institut Pengajian Tinggi atau Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP) atau Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) daripada institusi latihan kemahiran yang berkaitan bidang pembinaan untuk mendaftar lesen Sijil Perolehan Kerja Kerajaan. Dasar ini dilaksanakan bertujuan memberi peluang kepada generasi baharu termasuk belia lepasan pusat latihan kemahiran yang mempunyai latar belakang teknikal untuk mula berkecimpung dalam industri pembinaan. Golongan belia semua terbuka peluang untuk menjadi kontraktor asalkan menepati syarat-syarat pendaftaran dan layak melaksanakan pelbagai projek swasta dan kerajaan berdasarkan gred dan kelayakan.

Selain dari itu, pelbagai program telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi meningkatkan penyertaan golongan muda dalam kontrak Kerajaan mahupun dalam industri pembinaan antaranya program *Accelerator Programme For Construction Entrepreneurs (ACE)*, Kontraktor Usahawan Generasi Baru di bawah Belanjawan 2022 Kementerian Kewangan yang

telah melatih seramai 300 kontraktor belia. Program *Skilltechpreneur* merupakan Program Pembangunan Kontraktor Usahawan Berkemahiran yang dilaksanakan oleh CIDB bagi melatih lepasan TVET pembinaan menjadi kontraktor G1 yang berfokuskan kepada 6 tred iaitu Kerja Penghawa Dingin, Kerja Perpaipan, Kerja Elektrik, *Building Operation Maintenance (BOM)*, Kerja Cat dan Penjubinan. Selain itu, terdapat juga program-program pembangunan kontraktor dan vendor yang dilaksanakan dengan kerjasama GLC bagi mengetengahkan golongan kontraktor usahawan generasi baru memperkasakan perniagaan dalam industri pembinaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK
[KUALA NERUS]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' DR. HAJI ALIAS BIN RAZAK [KUALA NERUS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik doktor pakar mengikut kaum berdasarkan bidang kepakaran dan jelaskan perancangan strategik Kementerian untuk meramaikan lagi bilangan doktor pakar dalam kalangan Bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan analisis data di Kementerian Kesihatan hingga 30 Jun 2024, terdapat seramai 7,579 pakar perubatan yang telah diwartakan sedang berkhidmat di Kementerian Kesihatan. Jumlah ini merangkumi seramai 7,563 pakar perubatan tetap dan seramai 16 pakar perubatan kontrak. Daripada jumlah ini, seramai 4,487 (59%) pakar perubatan adalah terdiri daripada golongan Bumiputera.

2. Perincian pakar perubatan mengikut 29 bidang dan kategori kaum adalah seperti berikut:

Jadual 1:

Bil.	Bidang Kepekaran	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah
1.	Perubatan Dalaman	298	517	815
2.	Anestesiologi	434	282	716
3.	Perubatan Keluarga	471	180	651
4.	Pediatrik	225	357	582
5.	Patologi	448	118	566
6.	Kesihatan Awam	428	85	513
7.	Obstetrik dan Ginekologi	314	178	492
8.	Perubatan Kecemasan	333	148	481
9.	Ortopedik	250	211	461
10.	Pengimejan Diagnostik	294	152	446
11.	Pembedahan Am	164	176	340

NO SOALAN : 22

Bil.	Bidang Kepekaran	Bumiputera	Bukan Bumiputera	Jumlah
12.	Oftalmologi	173	143	316
13.	Psikiatri	171	144	315
14.	Otorhinolaringologi (ENT)	144	79	223
15.	Rehabilitasi	47	35	82
16.	Nefrologi	27	51	78
17.	Perubatan Transfusi	65	8	73
18.	Neurosurgeri	24	43	67
19.	Radioterapi dan Onkologi	20	38	58
20.	Perubatan Forensik	40	10	50
21.	Dermatologi	12	32	44
22.	Bedah Plastik	22	20	42
23.	Kardiologi	15	26	41
24.	Perubatan Nuklear	31	6	37
25.	Perubatan Respiratori	12	19	31
26.	Urologi	6	15	21
27.	Bedah Kardiotorasik	8	6	14
28.	Neurologi	5	13	18
29.	Perubatan Patologi	6	0	6
	Jumlah	4,487	3,092	7,579

2. Bagi meningkatkan lagi jumlah pakar perubatan di seluruh negara, Kerajaan telah pun menyediakan program latihan kepakaran sama ada melalui Program Sarjana Perubatan atau Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* seperti berikut:

- (a) menyediakan penajaan kepada pegawai perubatan kontrak untuk mengikuti latihan kepakaran sama ada melalui Program Sarjana Perubatan atau Latihan Kepakaran *Parallel Pathway*. Penajaan dan tawaran kontrak bagi latihan kepakaran telah dilaksanakan mulai sesi 2022/2023;
- (b) meluaskan penajaan Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* daripada 5 bidang pada tahun 2016 kepada 14 bidang mulai sesi 2022/2023; dan
- (c) meningkatkan lagi slot Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* tajaan Kementerian Kesihatan hingga 600 slot pada setiap tahun melibatkan sebanyak 14 bidang kepakaran dan hingga 1500 slot Program Sarjana Perubatan pada setiap tahun iaitu melibatkan sebanyak 23 bidang kepakaran.

3. Kemasukan pegawai perubatan ke dalam laluan latihan kepakaran dan peluang untuk mendapat penajaan Kementerian Kesihatan adalah terbuka kepada semua kaum dan dinilai berdasarkan merit dan kelayakan.

4. Setakat ini, seramai 4,203 (61.5%) pegawai perubatan Kementerian Kesihatan yang sedang mengikuti pengajian kepakaran di bawah Program Sarjana Perubatan dan Latihan Kepakaran *Parallel Pathway* adalah terdiri dari kalangan Bumiputera. Pecahan pegawai perubatan mengikut kaum yang sedang mengikuti pengajian kepakaran Kementerian Kesihatan adalah seperti berikut:

NO SOALAN : 22

Pecahan Kaum	Program Sarjana Perubatan	Program <i>Parallel Pathway</i>	Jumlah	Peratus
Bumiputera	3,862	341	4,203	61.5%
Bukan Bumiputera	2,277	355	2,632	38.5%
Jumlah	6,139	696	6,835	100%

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT] minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimana pihak Kementerian merancang untuk memastikan bahawa platform yang bakal diwujudkan melalui PuTERA35 seperti Wakaf MARA MADANI ini benar-benar membantu Kerajaan dalam mencapai sasaran PuTERA35 terutamanya bagi tujuan pendidikan, kebajikan dan keusahawanan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, YAB Perdana Menteri pada 19 Ogos 2024 telah melancarkan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) yang bertemakan Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan Bumiputera yang lebih bermakna bagi mengangkat darjat dan martabat Bumiputera. PuTERA35 memberi penekanan terhadap tiga teras utama, iaitu Memperkukuh Pasak Ekonomi Negara; Memperteguh Kerukunan Tatakelola dan Institusi dan Menegakkan Keadilan Sosial. Teras ini disokong oleh 12 pemacu dan 132 ikhtiar dalam menangani isu dan cabaran Bumiputera.

2. Pendekatan dalam pemantauan pelaksanaan PuTERA35 yang diambil adalah menggunakan kaedah dari bawah ke atas (*bottom up approach*) oleh Unit Pemerkasaan Agenda Bumiputera (UPAB), serta dari atas ke bawah (*top down approach*) oleh Kementerian Ekonomi. Dalam hal ini, peranan UPAB akan diperkasa dan diberi tanggungjawab untuk membuat pelaksanaan dan pemantauan ikhtiar secara rapi di peringkat kementerian dan agensi. Selain itu, Kerajaan juga akan menetapkan petunjuk prestasi utama (KPI) Kementerian berkaitan agenda pemerkasaan Bumiputera sebagai langkah proaktif bagi memastikan agenda Bumiputera kekal menjadi agenda nasional negara untuk mencapai pertumbuhan sosioekonomi yang adil, saksama dan inklusif.

3. Pada 2 Mac 2024, YAB Perdana Menteri semasa Majlis Penutup Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 telah mengumumkan penubuhan Wakaf MARA MADANI (WMM) dengan geran peluncuran sebanyak RM100 juta dan sasaran dana terkumpul berjumlah RM1.0 bilion. Susulan daripada pengumuman tersebut, di bawah PuTERA35, Pemacu 4: Penciptaan Kekayaan, Kerajaan akan mewujudkan Wakaf MARA MADANI dengan prinsip syariah bagi tujuan pendidikan, kebajikan dan keusahawanan, termasuk bagi pengangkutan, kesihatan, dan pengurusan aset-aset wakaf.

4. MARA melalui Yayasan Pelajaran MARA (YPM) pernah menubuhkan tabung wakaf yang dikenali Wakaf Amanah Rakyat (WARak) dan menerima tauliah Mutawalli daripada MAIWP pada 27 Disember 2022. Setakat ini jumlah dana terkumpul adalah sebanyak RM1.08 juta. Sehubungan itu, MARA akan memanfaatkan pengalaman sebelum ini dalam memperkasakan lagi inisiatif wakaf melalui penubuhan Wakaf MARA MADANI. Dalam hal ini, permohonan MARA sebagai Mutawalli Wakaf MARA MADANI telah diluluskan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) pada 21 Ogos 2024 dan turut bersetuju menutup dan memindahkan semua mauqaf Wakaf Amanah Rakyat (WARak) kepada Wakaf MARA MADANI. Dana terkumpul Wakaf MARA MADANI setakat 30 Oktober 2024 adalah sebanyak RM21.08 juta.

5. Dalam hubungan ini, kerjasama semua pihak adalah dialu-alukan untuk mengajak orang ramai bagi berwakaf melalui Wakaf MARA MADANI untuk pembangunan ummah.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR
[KUANTAN]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WAN RAZALI BIN WAN NOR [KUANTAN] minta **MENTERI
PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bagi
tempoh 2020 - 2023:

- (a) jumlah kes tangkapan bagi kesalahan bot nelayan tidak mengikut zon operasi yang dibenarkan serta kesalahan menggunakan pukut tunda di pesisir pantai; dan
- (b) tindakan Kementerian dalam memelihara sumber dan habitat bagi kawasan pesisiran pantai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kesalahan aktiviti menangkap ikan di luar zon yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) serta menggunakan pukot tunda di pesisir pantai merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985.

Jumlah kes pencerobohan kawasan zon penangkapan di perairan negara bagi tempoh empat (4) tahun bermula tahun 2020 sehingga tahun 2023 yang direkodkan oleh DOF, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM) adalah sebanyak 610 kes.

Kesalahan tidak mengikut zon operasi tertinggi berlaku di kawasan zon penangkapan di Perak iaitu sebanyak 28.03 peratus bersamaan 171 kes daripada jumlah keseluruhan kes.

474 kes kesalahan menggunakan pukot tunda di pesisir pantai perairan negara bagi tempoh empat (4) tahun bermula tahun 2020 sehingga tahun 2023, telah direkodkan. Negeri Perak merupakan penyumbang tertinggi bagi kesalahan menggunakan pukot tunda iaitu sebanyak 22.57 peratus iaitu sebanyak 107 kes daripada jumlah keseluruhan kes.

Bagi memelihara sumber dan habitat kawasan pesisiran pantai, Kementerian giat mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) memperkasakan pemantauan dan penguatkuasaan di perairan negara bersama-sama agensi penguatkuasaan seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Polis Marin (PPM);
- (ii) menurunkan kuasa penguatkuasaan bagi kesalahan-kesalahan di bawah Akta Perikanan 1985 kepada agensi-agensi kerajaan negeri;

NO SOALAN: 24

- (iii) mengambil tindakan undang-undang bagi kesalahan-kesalahan yang melanggar Akta Perikanan 1985 (Akta 317); dan
- (iv) menggunakan Sistem Pemantauan Pergerakan Bot (*Vessel Monitoring System* - VMS) untuk mengesan pergerakan vesel tempatan bagi menyekat aktiviti pencerobohan vesel di kawasan zon larangan menangkap ikan dan Sistem eNavigasi (eNav) secara *realtime* digunakan untuk mengesan pencerobohan vesel asing ke perairan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mengapa masalah kekurangan beras tempatan di pasaran masih berlanjutan. Dengan kenaikan nilai Ringgit, adakah harga beras import akan turun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKM sentiasa memberi perhatian terhadap isu ketiadaan beras putih tempatan (BPT) di pasaran yang melanda negara sejak tahun 2023. Dalam hal ini, KPKM sentiasa berusaha dengan pelbagai pendekatan bagi memastikan keberadaan bekalan BPT di pasaran mampu untuk memenuhi keperluan pengguna walaupun berdepan dengan pelbagai faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi produktiviti padi dan beras negara. Namun, KPKM akui keberadaan bekalan beras terutamanya BPT khususnya di kawasan luar bandar adalah situasi yang perlu diberi perhatian agar rakyat mendapat akses kepada bekalan BPT yang berterusan.

Dalam usaha untuk memastikan kelangsungan industri padi beras negara, KPKM kini giat melaksanakan rombakan strategi melalui pelaksanaan reformasi industri padi dan beras. Antara langkah yang diambil melalui reformasi ini adalah pemantapan tatakelola melalui pengasingan kuasa melibatkan Bahagian Pembangunan Industri Padi (PIP), Kawalselia Padi Beras (KPB) dan wakil kerajaan dalam Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), mewujudkan peraturan baharu larangan percampuran beras putih tempatan dengan beras putih import termasuk kajian daya saing struktur harga padi dan beras, penggabungan penguatkuasa di bawah KPKM bagi memperkukuh kawal selia sektor agromakanan serta reformasi pentadbiran Lembaga Pertubuhan Peladang dan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS). Susulan langkah Kerajaan India menarik balik sekatan eksport beras putih bukan basmati baru-baru ini, harga beras di pasaran global telah menunjukkan penurunan. Dengan pengukuhan nilai ringgit sejak kebelakangan ini, pihak Kementerian sedang berunding dengan BERNAS untuk menyemak harga pelarasan beras putih import yang baharu agar pengguna dapat memperoleh beras import pada harga yang berpatutan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [TANAH MERAH] minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kedudukan kewangan syarikat Pharmaniaga Berhad, anak syarikat Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang sebelum ini telah dikenakan notis Practice Note-PN17. Apakah strategi dan tindakan LTAT untuk membaik pulih kedudukan kewangan syarikat Pharmaniaga Bhd. dalam usaha menggugurkan notis PN17 yang telah dikenakan terhadapnya oleh Bursa Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada separuh pertama tahun 2024, Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) telah mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM30.0 juta, meningkat sebanyak 488% iaitu RM24.9 juta berbanding RM5.1 juta, yang direkodkan pada tempoh yang sama tahun sebelumnya.
2. Dalam tempoh yang sama, Pharmaniaga juga mencatatkan hasil sebanyak RM1.8 bilion, meningkat 4.3% berbanding RM1.7 bilion pada tahun lalu. Peningkatan ini didorong oleh permintaan pelanggan yang lebih baik dalam segmen konsesi dan pasaran Indonesia, serta pelaksanaan inisiatif pengurusan kos yang cekap dan berkesan.
3. Berhubung dengan pelan untuk mengeluarkan syarikat daripada status PN17, Pharmaniaga telah mengemukakan Pelan Regularisasi kepada Bursa Malaysia pada Februari 2024. Pelan Regularisasi ini dijangka akan diluluskan oleh Bursa Malaysia menjelang suku keempat tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG]

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [PUCHONG] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :

- (a) adakah rancangan untuk mengadakan *expanded New Born Screening* (NBS) di hospital awam dan mewujudkan *national registry* untuk penyakit jarang jumpa; dan
- (b) berapa penderma yang telah menderma ke Akaun Amanah bagi Rawatan Penyakit Jarang Jumpa sejak penubuhan dan jumlah dana ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Program *Newborn Screening* (NBS) adalah meliputi *congenital hypothyroidism*, *G6PD deficiency*, pendengaran dan penyakit jantung kongenital. Perancangan untuk memperluaskan lagi program NBS kepada *Expanded Newborn Screening* (ENBS) di hospital-hospital KKM telah pun dimasukkan dalam perancangan jangka panjang Pelan Strategik Program Penyakit Jarang Jumpa di Malaysia 2020 – 2030.
2. Program ENBS ini bertujuan mengenal pasti bayi yang berisiko terhadap penyakit tertentu lebih awal, termasuk penyakit jarang jumpa seperti *Inborn Error of Metabolism* (IEM), *Congenital Adrenal Hyperplasia* (CAH), *Severe Combined Immunodeficiency* (SCID) dan penyakit-penyakit lain.
3. Selain itu, pewujudan registri untuk penyakit jarang jumpa juga merupakan salah satu inisiatif yang digariskan dalam perancangan jangka sederhana Pelan Strategik Program Penyakit Jarang Jumpa di Malaysia 2020-2030.
4. Setakat ini, sebanyak RM105,000.00 telah disumbangkan oleh Persatuan Penyakit *Lisosomal Storage Disease* (MLDA) ke dalam Tabung Amanah Penyakit Jarang Jumpa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK JONATHAN YASIN [RANAU] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah balai bomba di Kundasang akan dibina memandangkan tapak tanah untuk pembinaan balai bomba di kawasan ini sudah dikenal pasti. Kundasang ini mempunyai aset-aset fizikal/ekonomi yang bernilai jutaan ringgit dan sebab itu sangat perlu diwujudkan balai bomba di kawasan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa berusaha untuk memastikan khidmat kebombaian terus diperkasa dan diperluas kepada seluruh masyarakat terutamanya melibatkan kawasan-kawasan di luar capaian *response time*. KPKT komited mencari alternatif dan kaedah terbaik dalam memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan rakyat terus terjamin termasuklah penduduk di kawasan Kundasang, selari dengan hasrat Kerajaan dalam meningkatkan keselamatan negara di bawah **Teras Strategik 3, Kerangka Strategik Malaysia MADANI**.

Berdasarkan skor risiko kebakaran yang diperolehi melalui **Kajian Risiko Kebakaran (*fire cover analysis*)** oleh JBPM, **kawasan Kundasang memperoleh skor 11** yang mana ianya diklasifikasikan sebagai **kawasan yang mempunyai risiko kebakaran tetapi dalam kategori yang rendah**. Pada masa kini, kawasan Kundasang telah mendapat khidmat awal kebombaian daripada **Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Ranau** yang jaraknya adalah **14 kilometer** dengan purata *response time* **25** minit.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, KPKT melalui JBPM telah mengenal pasti satu tapak tanah seluas **2.23 ekar** bagi tujuan pembinaan BBP Kundasang. Namun begitu setelah lawatan tapak dibuat, **tanah tersebut didapati tidak sesuai** untuk pembinaan terutamanya daripada **aspek aksesibiliti**. Oleh itu, **perbincangan di peringkat daerah Ranau telah diadakan pada tahun 2023** berkenaan tapak BBP yang lebih sesuai untuk daerah kecil Kundasang. **Cadangan tapak baharu tersebut masih dalam proses untuk dibentangkan kepada Mesyuarat Perancangan Pembangunan Daerah Ranau.**

Justeru, pelaksanaan bagi pembinaan BBP Kundasang adalah tertakluk kepada **ketersediaan tapak tanah** dan **kelulusan peruntukan dari agensi pusat**. KPKT akan memberikan **keutamaan projek pembinaan BBP bagi tapak tanah yang disediakan secara percuma atau dengan kadar premium nominal oleh kerajaan negeri atau pemaju perumahan**. Faktor ini akan diambil kira selain dari skor *fire cover analysis* yang dilaksanakan oleh JBPM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE
BIN HAJI APDAL [SEMPORNA]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

**DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD SHAFIE BIN HAJI APDAL
[SEMPORNA] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan:**

- (a) bilangan pakar perubatan yang telah diwartakan dan yang sedang diwartakan mengikut jenis kepakaran di Sabah serta usaha serius yang diambil bagi menambah bilangan doktor pakar di Sabah; dan
- (b) langkah yang telah dan akan diambil bagi memastikan kebajikan pakar perubatan dalam negara dijaga dari sudut kewangan, kesihatan mental dan ruang kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil berat berhubung perkhidmatan perubatan di semua negeri termasuk di Wilayah Sabah. Buat masa ini, terdapat seramai 613 pakar perubatan yang berkhidmat di Wilayah Sabah di mana seramai 460 telah diwartakan, manakala seramai 153 lagi sedang diwartakan.

2. Dalam masa yang sama, Kementerian Kesihatan turut melaksanakan inisiatif bagi meningkatkan lagi jumlah Pakar Perubatan di Wilayah Sabah, antaranya:

- (a) menggalak dan menambah bilangan Pegawai Perubatan kelahiran Sabah untuk memohon dan mengikuti program kepakaran di bawah Program Sarjana Perubatan dan Program *Parallel Pathway* (dengan izin);
- (b) menawarkan kemudahan Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Hadiah Latihan Persekutuan bagi pengajian kepakaran Sarjana Perubatan sehingga 1,650 slot latihan setahun iaitu peningkatan 150 slot mulai tahun 2023;
- (c) melantik semula Pakar Perubatan selepas bersara untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan mengikut keperluan bidang kritikal dan di kawasan yang berkeperluan tinggi untuk perkhidmatan kepakaran;
- (d) menetapkan seorang pakar perubatan perlu berkhidmat sekurang-kurangnya selama dua (2) tahun di suatu penempatan bagi memperkukuh dan memastikan kesinambungan perkhidmatan kepakaran dalam lingkungan hospital kluster di Wilayah Sabah;
- (e) membuat ambilan perkhidmatan kepakaran secara sessional; dan

- (f) menggalakkan Pakar Perubatan warganegara Malaysia yang bekerja di luar negara untuk pulang ke tanah air untuk berkhidmat di dalam negara.

3. Selain itu, pelbagai insentif dan kemudahan juga diberi kepada Pakar Perubatan yang berkhidmat di Wilayah Sabah iaitu:

- (a) layak mendapat Tambang Ziarah Wilayah bagi pegawai perubatan untuk menziarah wilayah asal (sekali dalam tempoh satu (1) tahun kalendar); dan
- (b) layak mendapat Tambang Ihsan Wilayah untuk pegawai perubatan menziarah ibu, bapa, ibu mentua atau bapa mentua yang sakit tenat/meninggal dunia;
- (c) mewujudkan Gred UD56 bagi pakar perubatan serta peluang kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi;
- (d) memberi kelonggaran untuk Pakar Perubatan mengamal di sektor swasta di luar waktu bekerja biasa bagi tujuan menjana pendapatan tambahan serta boleh diberi peluang 1 hari waktu bekerja fleksibel pada setiap minggu bagi tujuan penyelidikan atau berkhidmat di sektor swasta tertakluk kepada kelulusan ketua jabatan;
- (e) elaun sebanyak RM200.00 sejam kepada Pakar Perubatan yang melakukan kes-kes pembedahan pada hari cuti hujung minggu bagi mengurangkan masa menunggu bagi kes-kes pembedahan elektif;
- (f) Bayaran Insentif Pakar yang ditambah baik daripada kadar asal mengikut gred, antara RM1,400.00 - RM2,400.00 kepada RM1,900.00 - RM 3,100.00 mulai 1 Januari 2009 dengan peningkatan sebanyak RM500.00 - RM700.00;
- (g) Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa (*On-call*) (EKLWBB)

(*Active Call*) (dengan izin) yang ditambah baik bagi Pakar Perubatan iaitu RM230 pada hari bekerja biasa dan RM250 pada hari cuti mingguan dan cuti am;

- (h) Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan/ Pergigian (BIPP) kepada Pakar Perubatan yang bertugas di fasiliti kesihatan di Wilayah Sabah mulai 1 Julai 2016. Kadar bayaran ini adalah dalam lingkungan RM500.00 - RM 2,000.00 bagi kawasan bandar dan lingkungan RM1,000.00 - RM2,500.00 bagi kawasan luar bandar; dan
- (i) pelaksanaan perkhidmatan *Full Paying Patient* (FPP) (dengan izin) di hospital Kementerian Kesihatan semenjak tahun 2007 yang bertujuan untuk mengelakkan penghijrahan Pegawai Perubatan Pakar KKM ke hospital swasta.

4. Mengambil kira bebanan tugas yang digalas oleh anggota kesihatan termasuk Pakar Perubatan yang merupakan petugas barisan hadapan, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan inisiatif bagi memelihara kesihatan mental dan memastikan persekitaran kerja yang lebih kondusif, antaranya:

Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial atau *Mental Health and Psychosocial Support Services* (MHPSS)

- (a) Pasukan MHPSS mengenal pasti pegawai yang memerlukan bantuan awal psikologi atau *PFA (Psychological First Aid)* serta intervensi lanjut akibat terkesan dari segi emosi dan psikologi; dan
- (b) Pegawai dibekalkan dengan *Mental Health Alert Card*” sebagai panduan untuk memastikan persediaan kesihatan mental petugas apabila bertugas di lapangan terutamanya semasa krisis dan bencana.

Talian Bantuan Krisis Kesihatan Mental atau Talian HEAL 15555 (*Help with Empathy and Love*)

Pegawai yang memerlukan bantuan sokongan emosi, psiko-pendidikan dan intervensi awal krisis kesihatan mental boleh menghubungi talian bantuan krisis kesihatan mental ini.

Program advokasi kesihatan mental di tempat kerja

KKM melalui Skop Minda Sihat di bawah Program KOSPEN WOW juga menyediakan inisiatif saringan kesihatan mental di tempat kerja serta latihan pengurusan emosi dan panduan menangani stres kepada anggota kesihatan. Dalam Skop Minda Sihat juga terdapat inisiatif untuk pewujudan Sudut atau Laman Minda Sihat di tempat kerja bagi mempromosikan persekitaran kerja yang sihat dari aspek fizikal dan mental.

Modul MyMinda melalui aplikasi MySejahtera

Bagi tujuan pengesanan awal individu yang mempunyai masalah kesihatan mental, Kementerian Kesihatan melaksanakan Modul MyMinda melalui aplikasi MySejahtera yang membolehkan individu termasuk petugas kesihatan melaksanakan saringan kesihatan mental sendiri di samping akses kepada bahan psiko-pendidikan penjagaan kesihatan mental.

Nota Poket kesihatan Mental di Tempat Kerja

- (a) Kementerian Kesihatan melalui Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH) juga telah membangunkan Nota Poket yang mengandungi informasi berkaitan panduan penjagaan khususnya dalam memperkasa penjagaan kesihatan mental sendiri dalam kalangan warga kerja. Nota Poket ini telah diedarkan kepada wakil kementerian, agensi, dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) sewaktu Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia 2024.

- (b) Program KOSPEN WOW di tempat kerja telah dilaksanakan bagi mempromosikan gaya hidup sihat dengan fokus kepada penjagaan kebajikan pekerja. Program ini menggalakkan aktiviti fizikal, pemakanan sihat, pemeriksaan kesihatan berkala, serta sokongan psikososial, bagi meningkatkan kesejahteraan fizikal dan mental pekerja, sekaligus mengurangkan risiko penyakit tidak berjangkit.

- (c) Dasar Keselamatan dan Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia bertujuan memastikan persekitaran kerja selamat dan sihat. Ia menekankan pematuhan undang-undang, pencegahan kemalangan, pengurusan risiko, serta pendidikan kesihatan untuk pekerja, dengan fokus kepada kesejahteraan fizikal dan mental, sambil meminimumkan risiko kesihatan pekerjaan.

- (d) Kementerian Kesihatan sentiasa mengamalkan Budaya Korporat yang menekankan elemen profesionalisme, integriti, kerja berpasukan, serta keprihatinan terhadap kesihatan awam. Aspek kebajikan pekerja juga ditekankan dengan mewujudkan persekitaran kerja kondusif, sokongan moral, keseimbangan kerja-kehidupan, serta amalan cekap dan inovatif dalam perkhidmatan kesihatan berkualiti.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI]

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan sebab-sebab mengapa perkhidmatan pesanan internet dan media sosial perlu mendapatkan lesen untuk beroperasi dan syarat-syarat yang dikenakan untuk mendapatkan lesen ini:

- (a) garis panduan yang perlu dipatuhi oleh pemegang lesen; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk memastikan pematuhan kerangka kawal selia ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Keperluan pelesenan ke atas penyedia perkhidmatan pesanan internet dan penyedia perkhidmatan media sosial telah diwartakan pada 1 Ogos 2024 dan akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2025. Penyedia Perkhidmatan perlu memohon Lesen Kelas Pemberi Perkhidmatan Aplikasi [ASP(C)] di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588].

Keperluan pelesenan di bawah Akta 588 ini adalah untuk memastikan penyedia perkhidmatan bertanggungjawab dan memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan ekosistem dalam talian yang lebih selamat kepada pengguna platform mereka. Ini termasuk menangani secara efektif kandungan mudarat dengan memperkukuhkan sistem dan proses mereka dalam mengurangkan jenayah siber seperti penipuan dalam talian, jenayah seksual dan buli siber ini.

Berkenaan langkah-langkah yang diambil bagi tujuan pematuhan, MCMC sedang meneruskan sesi libat urus bersama pihak penyedia perkhidmatan di mana fokus utama adalah untuk memberikan penjelasan berkenaan keperluan-keperluan pematuhan di bawah Akta 588 serta proses permohonan lesen ASP(C).

Pada masa yang sama, MCMC sedang membangunkan Kod Tatalaku yang perlu dipatuhi oleh Penyedia Perkhidmatan ketika beroperasi di Malaysia. Kod Tatalaku ini akan merangkumi antara lain, perkara-perkara seperti langkah-langkah keselamatan pengguna, langkah-langkah keselamatan kanak-kanak, kaedah pelaporan dan aduan serta akauntabiliti pihak penyedia perkhidmatan dalam menangani kemudaratan kandungan dalam talian.

Sebagai pemegang lesen ASP(C), penyedia perkhidmatan dikehendaki untuk mematuhi Akta 588 dan syarat standard lesen, serta mempunyai tanggungjawab yang jelas untuk mengambil langkah proaktif dalam menghapuskan kandungan mudarat seperti bahan penderaan

NO SOALAN : 30

seksual kanak-kanak atau *child sexual abuse material* (CSAM), kandungan yang melanggar undang-undang atau kandungan yang mempromosikan penipuan atau keganasan. Mereka juga dikehendaki untuk mempunyai proses penyederhanaan kandungan yang kukuh untuk mengenal pasti dan menurunkan kandungan mudarat sebelum ia tersebar secara meluas.

Sekiranya terdapat pelanggaran peruntukan Akta 588 atau syarat pelesenan, MCMC mempunyai kuasa untuk mengenakan tindakan penguatkuasaan ke atas pihak penyedia perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD.
MUTTALIB [MARAN]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa unit Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang telah siap dibina dan diserahkan kepada pemiliknya dalam tempoh 5 tahun ini di negeri Pahang terutama di kawasan Parlimen Maran dan berapa jenis rumah tersebut serta keluasan setiap rumah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) merupakan program perumahan Kerajaan yang dilaksanakan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi **memenuhi keperluan rakyat berpendapatan rendah (B40) dengan pendapatan bulanan isi rumah RM5,000 ke bawah**. Program ini membantu rakyat **membina rumah di atas tanah sendiri atau tanah milik ahli keluarga yang diberi kebenaran** berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dan terbuka kepada semua warganegara Malaysia tanpa mengira kaum. Program RMR ini juga menjadi antara keutamaan KPKT, selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI dalam memastikan setiap rakyat mempunyai akses kepada tempat tinggal (*shelter for all*).

Dalam tempoh lima (5) tahun ini, sejumlah 19,417 unit RMR telah siap dibina, 693 unit sedang dalam pembinaan dan 218 unit telah diluluskan untuk pembinaan di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 1,868 unit RMR telah siap dibina dan diserahkan milik khusus di Negeri Pahang.

Manakala bagi **Parlimen Maran** pula, sebanyak **228 unit telah siap dibina dan diserahkan milik. RMR yang dibina di kawasan Parlimen Maran pula adalah satu (1) jenis sahaja** iaitu berkonsepkan rumah sesebuah satu (1) tingkat dengan komposisi tiga (3) bilik tidur dan dua (2) bilik air dengan keluasan rumah di antara 750 kaki persegi hingga 1,000 kaki persegi.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, **reka bentuk rumah di bawah Program RMR telah berevolusi di mana pada tahun 2020, program ini menawarkan dua (2) jenis reka bentuk rumah dengan keluasan 1,000 kaki persegi di Semenanjung Malaysia dan 700 kaki persegi di Sabah dan Sarawak. Seterusnya pada bulan Mac tahun 2021, SPNB telah melancarkan enam (6) model reka bentuk baharu RMR dengan keluasan yang sama bagi**

Semenanjung serta Sabah dan Sarawak.

Pada penghujung tahun 2021 pula, sektor pembinaan negara sewaktu itu berhadapan dengan cabaran peningkatan kos bahan binaan dan buruh yang secara langsung telah mengakibatkan kos dan reka bentuk program RMR turut perlu diubah suai. Sehubungan dengan itu, **bermula tahun 2022 sehingga kini, reka bentuk RMR telah diseragamkan keluasan binaannya iaitu 750 kaki persegi di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI [IGAN]

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN HAJI AHMAD JOHNIIE BIN ZAWAWI [IGAN] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan Projek Jalinan Digital Negara (JENDELA) di Sarawak setakat ini termasuk bagi kawasan Parlimen Igan. Bilakah projek ini akan siap sepenuhnya dan apakah perancangan Kementerian untuk mengatasi masalah jaringan internet di kawasan luar bandar khususnya di sekolah-sekolah pedalaman Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1, sehingga 31 Ogos 2024 bagi negeri Sarawak, 481 daripada 901 menara komunikasi baharu telah siap dibina dan beroperasi, 4,320 daripada 4,330 stesen pemancar sedia ada telah dinaik taraf, 148,630 daripada 207,135 premis telah tersedia dengan capaian gentian optik dan kesemua 523 lokasi telah menikmati perkhidmatan internet menggunakan teknologi satelit *Broadband Wireless Access* (BWA). Baki inisiatif yang sedang dalam pelaksanaan dijangka akan siap secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2025. Sehingga tempoh yang sama, liputan internet dan komunikasi di kawasan berpenduduk di negeri Sarawak telah mencapai 89.22%.

Bagi Parlimen Igan pula, tujuh daripada 14 menara komunikasi baharu telah siap dibina dan beroperasi, kesemua 51 stesen pemancar sedia ada telah dinaik taraf, 1,480 daripada 2,791 premis telah tersedia dengan capaian gentian optik dan kesemua dua lokasi telah dapat menikmati perkhidmatan internet BWA. Baki inisiatif yang sedang dalam pelaksanaan dijangka siap secara berperingkat sehingga penghujung tahun 2025.

Selain inisiatif Pelan JENDELA, Kerajaan Negeri Sarawak melalui Sarawak Multimedia Authority (SMA) dan Sarawak Digital Economy Corporation Berhad (SDEC) juga sedang melaksanakan inisiatif pembinaan 600 buah menara baharu (SMART 600) bagi menambah baik liputan internet di Sarawak. Sehingga 30 September 2024, sebanyak tiga buah menara baharu telah siap beroperasi dan lapan buah menara masih dalam peringkat pelaksanaan di bawah inisiatif SMART 600 di Parlimen Igan.

Kerajaan turut melaksanakan penyediaan infrastruktur jalur lebar menggunakan kaedah *Point of Presence* (PoP) hab gentian optik. Sehingga 3 Oktober 2024, sebanyak 67 PoP telah berjaya disiapkan sepenuhnya bagi Fasa 1 manakala 176 PoP daripada 681 PoP bagi Fasa

NO SOALAN : 32

2 telah disiapkan di negeri Sarawak menjadikan 26,158 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat. Bagi Parlimen Igan, dua PoP telah selesai dibina sepenuhnya bagi Fasa 1 dan empat PoP daripada 16 PoP bagi Fasa 2 telah disiapkan. Ini menjadikan 656 premis telah tersedia dengan sambungan gentian optik untuk dilanggan oleh komuniti setempat di Parlimen Igan. Baki PoP dijadualkan siap sepenuhnya pada tahun 2025.

Selain itu berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kemudahan telekomunikasi bagi 295 buah sekolah di pedalaman Sarawak telah ditambah baik dari langganan perkhidmatan internet menggunakan teknologi jalur lebar 4G (30Mbps) dan satelit (100Mbps) kepada teknologi fiber optik dengan kelajuan minimum 300Mbps mulai 1 Julai 2024 menerusi Perolehan Perkhidmatan Internet Institusi Pendidikan dan Sekolah KPM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY
GAPARI KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kementerian akan melulus dan memulakan pembinaan jejambat-jejambat dan persimpangan bertingkat di Keningau, Sabah untuk menyelesaikan kesesakan trafik di Bandar Keningau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini mengambil maklum cadangan menaiktaraf jalan atau pembinaan jalan baharu di Bandar Keningau yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sehubungan itu, adalah disyorkan supaya Ahli Yang Berhormat mengemukakan cadangan projek tersebut kepada pihak Kerajaan Negeri melalui penyelarasan antara Unit Perancang Ekonomi Negeri dan JKRNegeri untuk dimasukkan dalam senarai keutamaan Negeri dalam Rolling Plan (RP) yang akan datang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Prosedur bagi permohonan projek membina jalan baharu atau menaiktaraf Jalan Persekutuan sedia ada adalah melalui Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan negeri yang dikemukakan kepada Kementerian ini melalui penyelarasan antara Unit Perancang Ekonomi Negeri dan Jabatan Kerja Raya Negeri.

Kementerian ini akan meneliti cadangan projek apabila ia dimohon oleh Kerajaan Negeri berdasarkan senarai keutamaan Negeri dan akan diberi pertimbangan yang sewajarnya untuk diangkat kepada Agensi Pusat jika memenuhi keperluan teknikal untuk dilaksanakan, tertakluk kepada agihan peruntukan pembangunan kepada Kementerian ini.

Berdasarkan maklumat yang diterangkan tadi, Kementerian ini sentiasa terbuka untuk menerima syor atau cadangan daripada Kerajaan Negeri untuk menaik taraf atau membina baharu jalan berdasarkan senarai keutamaan daripada Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah-langkah diambil oleh Kementerian untuk menaik taraf jalan batu kepada jalan tar di Jalan Nanga Entabai ke Nanga Bulu dan bilakah infrastruktur untuk bina baru jalan raya dilaksanakan dari kawasan Nanga Bulu ke Rantau Limau Ulu Kanowit, Julau.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, projek Menaiktaraf Jalan Entabai/ Rantau Limau (Fasa 2), Julau , Bahagian Sarikei, Sarawak telah diluluskan pada tahun 2024 di bawah RP4, RMKe-12 dengan kos RM70 juta.

Skop projek ini adalah menaiktaraf jalan tanah/ berbatu sedia ada sepanjang 9.5km ke jalan berturap selebar 6m JKR standard R1 yang mana jajarannya bermula dari Jalan Entabai melalui Nanga Bulu ke Rantau Limau.

Status semasa projek di peringkat pra pelaksanaan dan telah dilaksanakan Makmal Kajian Nilai (VA) pada 19-21 Ogos 2024 . Projek dalam proses lantikan perunding dan dijangka akan ditender pada suku keempat tahun 2025.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIE ANAK MONGIN
[PUNCAK BORNEO]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK WILLIE ANAK MONGIN [PUNCAK BORNEO] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengembalikan kuasa bagi pelantikan Ahli Jemaah Pengarah (AJP), Persatuan Peladang Negeri (PPN) dan Persatuan Peladang Kawasan (PPK) kepada Kerajaan Sarawak. Jika ya, nyatakan bila ia akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seksyen 35 Akta Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 109] memperuntukkan kuasa untuk membuat Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang adalah di bawah bidang kuasa Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2020 [P.U(A) 349] telah diwartakan pada 14 Disember 2020 dan berkuat kuasa pada 1 Januari 2021. Tujuan pindaan adalah bagi penyeragaman peraturan pelantikan di semua negeri.

Peraturan tersebut memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan untuk melantik dua (2) orang Ahli Jemaah Pengarah di Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) seluruh Malaysia (termasuk Sarawak) dan 6 orang Ahli Jemaah Pengarah di Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS). Sejak pemakaian dan kuat kuasa peraturan tersebut, pelaksanaan proses pelantikan adalah lancar dan telus serta pergerakan Pertubuhan Peladang tiga peringkat (PPK, PPN dan NAFAS) adalah stabil dan terkawal dengan pemakaian undang-undang yang sama di setiap peringkat. Dalam masa yang sama, YB Menteri sentiasa memberikan ruang serta mempertimbangkan nama-nama calon yang dicadangkan oleh kerajaan negeri dari semasa ke semasa.

Sehubungan itu, peraturan yang sedang berkuat kuasa ini adalah masih relevan dan perlu dikekalkan dan semua Ahli Jemaah Pengarah (lantikan Menteri) kekal dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY
BIN BANDY [KALABAKAN]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BIN BANDY [KALABAKAN] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan perkembangan terkini pelaksanaan program kerjasama Malaysia-China Institute (MCI) di dalam mempertingkatkan tenaga kerja berkemahiran tinggi bidang pendidikan latihan teknikal dan vokasional (TVET).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan Malaysia China Institute (MCI) telah diumumkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah bagi membolehkan belia-belia di Malaysia mengikuti program TVET berteknologi dan berimpak tinggi dari negara China serta mempercepatkan pemindahan teknologi dan kepakaran bagi program-program yang melibatkan *emerging technology*.

Dalam hal ini, GIATMARA Bagan Datuk telah dinaiktaraf sebagai MCI dan akan bertindak sebagai Pusat Latihan Teknikal dan Pusat Bahasa & Budaya kepada pelajar-pelajar Malaysia yang akan mengikuti latihan dan pengajian teknikal serta latihan industri antarabangsa di China.

Pada masa ini, pendaftaran MCI sebagai sebuah entiti yang sah telah dikemukakan kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dan pendaftaran MCI sebagai Pusat Bertauliah telah dikemukakan kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran untuk proses selanjutnya.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, MCI akan dilaksanakan secara berfasa melalui tiga (3) fasa mulai tahun 2024 hingga tahun 2032. Fasa pertama MCI melibatkan seramai 12 orang tenaga pengajar yang akan dihantar ke China pada awal bulan November 2024 untuk mengikuti program *Training of Trainer* dan kursus peningkatan kompetensi. Ianya diikuti dengan penghantaran seramai 30 orang pelajar ke China pada bulan Januari 2025.

Bagi fasa kedua (2025-2026), MCI akan membangunkan dan melaksanakan Diploma Industri Automotif Kenderaan Elektrik (EV), Diploma Kejuruteraan Teknologi EV, Diploma Kejuruteraan Teknologi Kecerdasan Buatan (AI)/ Rel dan Program *Internship*/ Perantisan Industri. Manakala bagi fasa ketiga (2027-2032) dijangka beberapa program baharu akan ditambah iaitu Diploma *Intership* Antarabangsa, Sijil Pentauliah Industri EV/ AI/ Rel dan Program Berkembar Industri yang akan melibatkan penyertaan lebih 2000 orang pelajar setahun. Pada fasa ini juga cadangan pembinaan sebuah kampus baharu MCI di

NO SOALAN : 36

GIATMARA Bagan Datuk akan dibuat melalui permohonan peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN
ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL [BANDAR TUN RAZAK] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah yang menyokong pertanian bandar dalam meningkatkan keselamatan makanan susulan inisiatif pertanian bandar yang dilancarkan pada tahun 2024.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Inisiatif pertanian bandar telah mula dilaksanakan oleh KPKM menerusi Program Kebuniti Madani (2022-2025) dan Program Pembangunan Pertanian Komuniti (2021-2025) bagi memperkasakan komuniti bandar dan pinggir bandar melalui aktiviti pertanian untuk mengeluarkan hasil bagi kegunaan sendiri dan komuniti setempat. Inisiatif ini juga dapat menjana pendapatan di kalangan peserta komuniti melalui jualan lebihan hasil pertanian yang diusahakan sama ada secara segar atau diproses.

Bagi menyokong pelaksanaan pertanian bandar, inisiatif berikut di laksanakan:

- (i) penggunaan teknologi pertanian bandar yang sesuai dengan keadaan dan ruang kawasan bandar bagi menjimatkan air, ruang dan tenaga dalam meningkatkan produktiviti dan keselamatan makanan;
- (ii) penyediaan bantuan dan insentif kepada peserta yang ingin menjalankan pertanian bandar seperti input pertanian, latihan, khidmat nasihat teknikal dan pemasaran hasil. Bantuan dan insentif ini dapat mengurangkan kos permulaan, mengatasi masalah teknikal dan meningkatkan pendapatan peserta pertanian bandar;
- (iii) penglibatan komuniti bandar dalam program-program latihan dan pensijilan myGAP bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan motivasi penduduk bandar untuk menghasilkan tanaman yang selamat dan berkualiti; dan
- (iv) pewujudan Kebun Bandar sebagai kawasan pertanian yang lestari dan menarik melalui usaha seperti pengkomposan sisa kebun, kitar semula bahan terpakai dan pengwujudan struktur yang mesra alam seperti sistem penuaian air hujan.

Program pertanian bandar yang diterajui oleh KPKM ini juga mendapat sokongan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang telah melancarkan Dasar Kebun Komuniti Bandar pada 3 Ogos 2021 dan menerbitkan Garis Panduan Perancangan Kilang Tanaman pada 11 September 2024 yang lalu bagi memastikan inisiatif pertanian bandar ini dapat dilaksanakan secara mampan bagi menyokong keterjaminan makanan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI
ALIAS [JELEBU]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK SERI HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah Kementerian boleh memberi kebenaran kepada mana-mana Kerajaan negeri yang ingin melakukan kerjasama secara terus dengan negara luar bagi membawa masuk beras sebagai salah satu inisiatif bagi memastikan stok bekalan beras di negeri terkawal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menandatangani perjanjian konsesi dengan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) untuk tempoh 10 tahun lagi, iaitu dari 11 Januari 2021 sehingga 10 Januari 2031. Perjanjian konsesi ini telah memperuntukkan 10 obligasi sosial untuk pembangunan industri padi beras yang perlu dilaksanakan oleh BERNAS dan sebagai balasan BERNAS diberi hak untuk mengimport beras bagi tempoh sepanjang konsesi berdasarkan kuota bagi menampung kekurangan pengeluaran dalam negara seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Obligasi itu antaranya ialah mengurus stok penimbal beras negara, mengekalkan peranan sebagai pembeli padi terakhir pada harga minima dan mengurus pembayaran subsidi harga padi serta skim pengilang, pemborong bumiputera dan koperasi petani.

Selain itu, BERNAS juga diminta memperuntukkan dana bagi pembekalan jentera dan mekanisasi padi, membangunkan sawah berskala besar dan menyediakan peruntukan bagi beberapa program termasuk pembangunan stok penimbal benih padi, bantuan tabung bencana tanaman padi dan sistem maklumat padi dan beras.

Pada masa ini, Kerajaan masih mengekalkan peranan BERNAS sebagai pengimport tunggal beras dan tidak mempunyai perancangan untuk melantik atau memberi kebenaran kepada mana-mana pihak termasuk kerajaan negeri untuk mengimport beras ke dalam negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN ROY ANGAU ANAK GINGKOI [LUBOK ANTU] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan status terkini program Jalinan Digital Negara (JENDELA) dan pengoperasian menara telekomunikasi di kawasan Lubok Antu terutama di hulu sungai dan pedalaman serta bagaimana Kementerian akan memastikan capaian dan kualiti kelajuan internet berada di tahap yang baik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Ogos 2024, inisiatif yang telah dijalankan di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) di Parlimen Lubok Antu adalah termasuk pembinaan sebanyak empat menara komunikasi baharu yang telah siap dibina dan beroperasi daripada 37 yang dirancang. Kesemua 53 stesen pemancar juga telah turut siap dinaik taraf dan sebanyak 1,327 premis daripada 2,820 yang dirancang telah tersedia dengan capaian gentian optik. Kesemua inisiatif ini akan siap secara berperingkat pada suku keempat tahun 2025.

Selain inisiatif Pelan JENDELA, Kerajaan Negeri Sarawak melalui Sarawak Digital Economy Corporation Berhad (SDEC) juga sedang melaksanakan inisiatif pembinaan 600 buah menara baharu (SMART 600) bagi menambah baik liputan internet di Sarawak. Sehingga 30 September 2024, sebanyak 41 buah menara baharu telah siap beroperasi dan 12 buah menara masih dalam peringkat pelaksanaan di bawah inisiatif SMART 600 di Parlimen Lubok Antu.

Antara cabaran utama pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur di Sarawak adalah melibatkan kekangan logistik dan akses ke lokasi tapak yang terletak jauh di pedalaman. Di kawasan pedalaman Lubok Antu misalnya, kebanyakan menara yang sedang didirikan di bawah projek JENDELA Fasa 1 melibatkan penggunaan pengangkutan sungai melalui empangan Batang Ai dan jalan balak yang mencabar, maka menyukarkan penghantaran peralatan dan bahan binaan.

Selain itu, kebanyakan menara-menara ini juga berada di luar kawasan liputan grid elektrik 24 jam dan menyukarkan penyediaan bekalan elektrik yang stabil di menara komunikasi. Manakala, proses rundingan yang tidak berjaya akan melibatkan penempatan semula tapak di lokasi lain dan secara tidak langsung meningkatkan kos dan masa.

Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (MCMC) terus komited untuk menambah baik perkhidmatan internet dan infrastruktur komunikasi di seluruh negara. Berdasarkan aduan yang diterima daripada orang ramai dan dapatan oleh MCMC mengenai isu liputan yang dihadapi serta perancangan berterusan, beberapa penambahbaikan akan dilakukan termasuk mengenal pasti lokasi yang bersesuaian untuk dimasukkan dalam JENDELA Fasa 2 kelak. MCMC juga sedang meneliti perkembangan teknologi baharu termasuk *direct to device* yang menggunakan teknologi satelit *Low Earth Orbit* (LEO) bagi penyediaan perkhidmatan internet yang boleh memberi manfaat kepada penduduk di luar bandar dan kawasan pedalaman.

Selain itu, maklum balas daripada pejabat Ahli Yang Berhormat untuk mengenal pasti kawasan luar bandar secara spesifik amat diperlukan bagi membantu pemberi perkhidmatan dan MCMC dalam menangani isu kualiti dan liputan yang dihadapi. Para pengguna adalah digalakkan untuk membuat aduan secara terus kepada pihak pemberi perkhidmatan sekiranya perkhidmatan yang disediakan adalah tidak memuaskan agar tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Sekiranya aduan tersebut tidak dapat diselesaikan, aduan kepada MCMC juga boleh dilakukan di laman portal aduan MCMC di <https://aduan.mcmc.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN
[SUBANG]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimana ketelusan dijamin dalam proses pemilihan atlet yang mewakili Malaysia khususnya berkaitan dengan kriteria dan kaedah penilaian, memandangkan Zy Lee Kher mempunyai ranking dunia yang lebih tinggi tetapi tidak terpilih ke Sukan Paralimpik 2024 dalam acara renang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada proses pemilihan atlet renang ke Sukan Paralimpik Paris 2024, pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) berpandangan perkara ini telah diberi pertimbangan sewajarnya oleh Persatuan Renang Para Malaysia (PREPMA) setelah mendapat pandangan dan cadangan dari semua pihak berkepentingan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, World Para Swimming telah memperhatikan 2 slot untuk Malaysia. Justeru itu, PREPMA telah mengadakan mesyuarat khas pada 3 Julai 2024 yang turut dihadiri oleh Majlis Paralimpik Malaysia (MPM), Majlis Sukan Negara (MSN) dan Ketua Jurulatih Sukan Para Renang Kebangsaan bagi membincangkan pemilihan atlet dengan penetapan kriteria-kriteria seperti berikut:

- a) berpotensi memenangi pingat berdasarkan kepada prestasi semasa. Prestasi diambil kira sejak April 2023 hingga Jun 2024; dan
- b) bilangan acara yang akan disertai.

Hasil daripada proses penilaian berdasarkan kriteria-kriteria tersebut, PREPMA telah menamakan Muhammad Nur Syaiful Zulkafli (Kategori S5) dan Muhammad Imaan Aiman Muhammad Redzuan (Kategori S14) ke Sukan Paralimpik Paris 2024.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Walter Lee Eng Siang (Pemohon), bapa kepada Zy Lee Kher telah mengemukakan aduan kepada Jawatankuasa Pertikaian Sukan (JPS) setelah terkilan dengan keputusan Majlis Paralimpik Malaysia (responden) tidak memilih anaknya ke Sukan Paralimpik Paris 2024.

JPS telah mengadakan pendengaran pada 7 Ogos 2024 dan telah membuat keputusan bahawa:

1. Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) adalah badan yang berdaftar sah di Malaysia di bawah Akta Pembangunan Sukan 1997 [Akta 576] di Malaysia dan tertakluk kepada Seksyen 2 dan 9A Akta 576 sebagai badan pengelola bagi sukan paralimpik;
2. MPM adalah badan yang diiktiraf oleh International Paralympic Committee (IPC) dan bertanggungjawab bagi pengurusan sukan berkaitan paralimpik di Malaysia;
3. MPM adalah ahli gabungan kepada IPC dengan mandat yang telah diberikan oleh IPC untuk mengelola aktiviti sukan paralimpik di Malaysia;
4. IPC telah mengeluarkan Peraturan bagi kelayakan ke Sukan Paralimpik Paris 2024 dan IPC menghormati dan memperakui apa jua kriteria dan standard pemilihan yang ditetapkan oleh pihak *National Paralympic Committee* (NPC) iaitu MPM; dan
5. MPM telah membuat keputusan dengan sewajarnya seperti mana yang telah ditetapkan oleh IPC ke arah Sukan Paralimpik Paris 2024.

Walaupun tidak terpilih ke Sukan Paralimpik Paris 2024, Zy Lee Ker yang merupakan atlet Program Podium MSN akan mula menjalani latihan secara separuh masa kerana telah menerima tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke Shanghai University of Sport (SUS) di China mulai 28 September 2024. Beliau akan menikmati bayaran elaun bulanan sebagai atlet separuh masa, penyertaan ke sesi pertandingan dalam dan luar negara, peralatan latihan dan pertandingan serta segala faedah yang akan diberikan untuk atlet yang masih kekal dalam Program Podium MSN.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN EDWIN ANAK BANTA
[SELANGAU]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN EDWIN ANAK BANTA [SELANGAU] minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status terkini program pembangunan infrastruktur asas di kawasan Selangau dalam tempoh RMKe-11 dan RMKe-12.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak RM692.58 juta kos projek telah diluluskan untuk pelaksanaan sepuluh (10) projek pembangunan infrastruktur asas bermula daripada RMKe-11 sehingga RMKe-12 merangkumi empat (4) projek di bawah Program Jalan-Jalan Luar Bandar (JALB), tiga (3) projek di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB), dua (2) projek di bawah Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) dan satu (1) projek di bawah Program Bersepadu Pemajuan Kawasan

Pelaksanaan projek/ program infrastruktur dan ekonomi seperti ini diharap dapat menyumbang kepada kesejahteraan hidup masyarakat luar bandar khususnya dari aspek pembangunan ekonomi dan sosial. Sesuai dengan fokus pelaksanaannya yang bersifat *touch point* dan *people centric*, Kementerian komited untuk memastikan semua kampung dan penduduk menerima manfaat ini serta memenuhi tuntutan pembangunan sosio-ekonomi terlibat di kawasan luar bandar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
[AMPANG]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL [AMPANG] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sebarang perancangan meminda Akta 757: Akta Pengurusan Strata 2013 khususnya untuk menangani pelbagai isu pasca pembinaan bangunan berstrata yakni semasa unit hartanah mula dihuni atau digunapakai memandangkan kebanyakan masalah dalam fasa ini bukan lagi tanggungjawab pemaju untuk diselesaikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kerajaan MADANI berteraskan nilai kemampanan dan kesejahteraan sosial yang sentiasa ingin memastikan mutu hidup rakyat yang seimbang dan harmoni berasaskan kepada pengurusan bangunan yang lebih efektif dan teratur. Mengambil kira pelbagai isu dan cabaran dalam pembangunan strata di Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil inisiatif untuk melaksanakan **Kajian dan Pindaan Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] sedia ada supaya lebih relevan dengan peredaran masa dan berorientasikan masa hadapan**. Buat masa ini, KPKT sedang melaksanakan proses kajian dan pemurnian ke atas peruntukan undang-undang sedia ada berhubung pengurusan strata sebelum cadangan pindaan Akta 757 dapat disyorkan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, **selain cadangan kajian dan pindaan ke atas Akta 757, KPKT juga sedang berusaha untuk menambah baik dan memperkasa pengurusan strata melalui strategi-strategi seperti berikut:**

i) Pendigitalan Pengurusan Strata

Penggunaan sistem bagi merekod data strata, mengurus data bangunan, permit, pemeriksaan dan penguatkuasaan dapat memastikan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan analisis khususnya melibatkan pengurusan strata menjadi lebih baik. Perkongsian data dan maklumat di antara pihak Pesuruhjaya Bangunan (*Commissioner of Building, COB*), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Kementerian secara dalam talian melalui penambahbaikan sistem sedia ada kepada **Sistem Pengurusan Strata** yang akan diperluaskan kepada pihak COB dan Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Body, JMB*) atau Perbadanan Pengurusan (*Management Corporation, MC*).

ii) Pembangunan Kompetensi

KPKT turut menyediakan platform pembangunan kompetensi kepada COB menerusi penganjuran mesyuarat penyelarasan, bengkel teknikal bagi latihan dan pendidikan secara berterusan. Pendekatan ini dapat meningkatkan kompetensi dan melengkapkan COB dengan pengetahuan khususnya peraturan dan amalan terbaik. Penganjuran mesyuarat penyelarasan dan bengkel teknikal ini dilaksanakan sebanyak empat (4) kali setahun. Pada masa yang sama, sesi libat urus juga dilaksanakan dari semasa ke semasa bersama pihak berkepentingan untuk mengumpulkan maklum balas penambahbaikan yang boleh dilaksanakan.

iii) Pemantauan Proaktif dan Penguatkuasaan Responsif

Pelaksanaan pemantauan secara proaktif dan tindakan penguatkuasaan yang lebih responsif akan dilaksanakan sekiranya terdapat ketidakpatuhan. Pelaksanaan ini dijalankan dengan kolaborasi bersama agensi penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan Penguatkuasa PBT, Persatuan Industri Keselamatan Malaysia dan agensi-agensi berkaitan.

iv) Peningkatan Ketelusan dan Akauntabiliti

Peningkatan aspek ketelusan dan akauntabiliti perlu dititikberatkan dalam pengurusan strata. Antara usaha yang dilaksanakan adalah menerbitkan atau memaparkan maklumat secara dalam talian untuk rujukan pihak berkepentingan.

Selain usaha di atas, **kesedaran pemilik strata terhadap peranan Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC)** juga adalah penting bagi memastikan pengurusan strata dapat dilaksanakan dengan baik. **Tadbir urus dan kawal selia yang dilengkapi pemantauan berterusan dan sistematik** serta disokong dengan sumber yang cukup dapat membantu pengurusan strata dengan lebih efektif dan optimum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rasional pemindahan rawatan susulan pesakit lama Institut Jantung Negara (IJN) ke hospital Kerajaan berhampiran. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menjamin keselamatan dan kesinambungan rawatan berkualiti bagi pesakit berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memulakan kerjasama dengan pihak IJNSB dalam perawatan pesakit jantung bermula pada tahun 1992.
2. Secara dasarnya, KKM menanggung pembayaran ke IJNSB untuk semua pesakit tanggungan kerajaan dan subsidi pesakit kurang mampu.
3. Mekanisme kawalan yang dilakukan oleh KKM dalam mengawal perbelanjaan tanggungan Kerajaan yang perlu dibayar ke IJNSB pada setiap tahun amat penting dan perlu dilaksanakan memandangkan pembayaran KKM ke IJNSB semakin meningkat, dari tahun ke tahun.
4. Rasional rujukan semula pesakit tanggungan kerajaan di IJNSB ke fasiliti KKM juga adalah termasuk untuk menyediakan slot rawatan prosedur invasif dan kepada pesakit pesakit baru yang sedang menunggu giliran di hospital hospital KKM.
5. Kriteria pesakit yang akan dirujuk semula dari IJNSB adalah terdiri daripada pesakit yang stabil dan telah selesai rawatan intervensi kardiologi atau pembedahan, serta tidak lagi diberi rawatan aktif untuk jantung. Hal ini juga dilihat dapat mengurangkan tempoh masa menunggu bagi rawatan dan prosedur invasif jantung di hospital KKM setelah lebih banyak slot rawatan/prosedur dapat diberikan kepada pesakit baru.
6. Pesakit - pesakit yang dirujuk ke IJN juga akan menggunakan ubat ubat generik seperti yang digunakan dalam Formulari ubat KKM (FUKKM). FUKKM merupakan rujukan di peringkat KKM dimana ia adalah satu pendekatan dasar dan pentadbiran untuk mengawal dan menggalakkan penggunaan ubat -ubatan secara rasional dan berkualiti. KKM juga akan memastikan ketersediaan bekalan ubat - ubat bagi pesakit yang dirujuk semula ke fasiliti KKM.
7. KKM juga sedang dalam usaha untuk membangunkan sistem

berkomputer bagi memudahkan proses rujukan semula pesakit tanggungan kerajaan di IJNSB ke fasiliti - fasiliti KKM. Dengan wujudnya sistem berkomputer ini nanti, pesakit boleh mendapatkan tarikh janji temu di hospital KKM tanpa perlu hadir ke hospital tersebut terlebih dahulu.

8. Bagi memastikan kesinambungan rawatan diterima oleh pesakit yang dirujuk semula ke Hospital KKM, sistem berkomputer tersebut juga akan menghubungkan data sejarah pesakit, rawatan dan ubat -ubatan pesakit semasa di IJNSB agar sejarah pesakit dapat diakses oleh pakar pakar di hospital KKM.

9. Terdapat 10 buah pusat Jantung KKM dan 68 buah hospital dengan pakar Perubatan Dalaman di seluruh malaysia yang akan menerima pesakit pesakit rujukan semula dari IJNSB.

10. Perkhidmatan Kardiologi di pusat jantung KKM juga dilengkapi dengan perkhidmatan pakar-pakar jantung yang setaraf dengan pakar di IJNSB serta pasukan paramedik khusus yang terlatih. Malahan infrastruktur dan peralatan di makmal invasif kardiologi (ICL) di pusat jantung KKM juga adalah berteknologi tinggi dan setara dengan yang terdapat di IJNSB.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MANNDZRI BIN NASIB
[TENGGARA]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN MANNDZRI BIN NASIB [TENGGARA] minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan rencana dan usaha yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan dalam memerangi ancaman penularan berita palsu/tidak benar yang bukan sahaja mencetuskan ketegangan politik tetapi juga boleh menjejaskan keamanan dan keharmonian negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Komunikasi melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa komited dalam memerangi penyebaran maklumat dan berita palsu bagi menjamin keharmonian dan ketenteraman awam di negara ini. Antara usaha yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) proaktif melaksanakan tindakan pemantauan dan penguatkuasaan seperti sekatan dan penurunan kandungan serta siasatan terhadap kandungan yang dikenal pasti telah bercanggah dengan peruntukan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]. Usaha ini turut melibatkan kerjasama erat dengan agensi penguatkuasaan yang lain serta penyedia perkhidmatan dalam talian yang berkaitan;
- (ii) MCMC juga telah mengambil langkah proaktif dengan menetapkan syarat terhadap penyedia perkhidmatan dalam talian perlu memohon Lesen Kelas Pemberian Perkhidmatan Aplikasi di bawah Akta 588 yang diwartakan pada 1 Ogos 2024 dan akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2025. Inisiatif ini diambil bagi memastikan tindakan kawal selia dan penguatkuasaan oleh MCMC dapat dilaksanakan dengan lebih menyeluruh khususnya dalam memerangi peningkatan aktiviti kemudaratan dalam talian, termasuk yang berkaitan maklumat palsu. Ingin ditegaskan bahawa penyedia perkhidmatan juga perlu memainkan peranan yang penting dan hendaklah bertanggungjawab dalam usaha untuk mewujudkan ekosistem dalam talian yang lebih selamat serta pengalaman lebih baik untuk pengguna terutama buat kanak-kanak dan seisi keluarga.
- (iii) penubuhan *Task Force* Menangani Berita Palsu dan 3R yang dianggotai oleh pelbagai jabatan dan agensi antaranya Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Peguam Negara (AGC) dan MCMC memainkan peranan penting bagi memantau, menyiasat dan

menguatkuasakan undang-undang terhadap penyebaran berita palsu yang mempunyai kesan negatif terhadap sistem politik, ekonomi, sosial, agama, budaya, keselamatan dan kedaulatan negara. Mulai 1 Disember 2023 hingga 26 September 2024, sebanyak 62 kertas siasatan telah dibuka iaitu 38 kes berkaitan institusi/ pemimpin diraja, 17 kes mengenai sensitiviti agama dan tujuh kes berkaitan isu perkauman.

- (iv) Langkah advokasi dan kesedaran turut dilaksanakan untuk mendidik masyarakat supaya menilai kesahihan sesuatu berita dengan menyemak fakta dengan sumber yang rasmi sebelum perkongsian dilakukan. Antara usaha advokasi ialah:
- (a) membangunkan portal untuk semakan fakta iaitu Portal Sebenarnya.my oleh MCMC dan Portal MyCheck Malaysia oleh Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA).
 - (b) penerbitan program di televisyen dan radio iaitu program bual bicara “Pastikan Sahih” dan Segmen Biar Betul! oleh RTM yang mengupas isu-isu berita palsu yang menjadi tumpuan masyarakat serta bagi memperbetulkan maklumat dan berita palsu yang tular terutamanya di platform media sosial. RTM juga secara berterusan menerbit dan menyiarkan Pesanan Khidmat Awam (PKA), kapsul, promo, *trailer*, klip video pendek, berita tv, berita radio, *talkset* penyampai radio, program bual bicara dan sketsa atau drama pendek bagi mendidik masyarakat mengenai bahaya penyebaran berita palsu; dan
 - (c) penghasilan dan hebahan kandungan kreatif secara berterusan oleh Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) dan BERNAMA untuk mendidik masyarakat supaya sentiasa bertanggungjawab dalam memastikan kesahihan maklumat yang diterima.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 7 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

SOALAN

DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian telah mewujudkan rundingan serta kerjasama serantau dengan pihak Kerajaan Indonesia dan Bangladesh dalam membantu mengatasi masalah kekurangan guna tenaga di ladang sawit Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerjasama perburuhan dua hala antara Malaysia dengan negara-negara sumber bagi **pengambilan dan penggajian pekerja asing tidak berkemahiran** adalah melalui **Memorandum Persefahaman (MoU)**. Setakat November 2024, Malaysia telah mempunyai kerjasama perburuhan dengan 10 negara sumber berikut; **Indonesia, Bangladesh**, China, India, Kemboja, Nepal, Pakistan, Sri Lanka, Thailand, dan Vietnam

Untuk Makluman Dewan Yang Mulia, Kerjasama perburuhan antara **Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Indonesia** adalah melalui Memorandum Persefahaman (MoU) seperti berikut:

Sektor Formal iaitu dengan izin *Memorandum of Understanding on Recruitment of Indonesian Workers Between the Government of Malaysia and Government of the Republic of Indonesia 2004* yang telah ditandatangani pada di **Jakarta** pada **10 Mei 2004**. **Skop MoU** adalah bagi **penggajian pekerja asing warga Indonesia** di sektor **pembuatan, pembinaan, perladangan, perkhidmatan, pertanian dan perlombongan & pengkuarian**.

Impak langsung MoU yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Republik Indonesia adalah ianya telah dapat **memenuhi sebahagian besar keperluan majikan dalam sektor-sektor utama negara**.

Tidak kurang pentingnya MoU yang ditandatangani ini telah membolehkan **pengambilan dan penggajian pekerja asing warga Indonesia dilakukan dengan adil (fair recruitment)** melalui dengan **saluran yang sah, teratur dan selamat** selaras dengan **undang-undang kedua-dua negara dan standard perburuhan antarabangsa**.

Selain itu, **Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Bangladesh** telah mengadakan **kerjasama perburuhan** melalui Memorandum Persefahaman (MoU) dengan izin *Memorandum of Understanding Between the Government of Malaysia and the Government of the People's Republic of Bangladesh on the Employment of Workers* yang telah ditandatangani di **Kuala Lumpur** pada **19 Disember 2021**. **Skop MoU** adalah bagi **penggajian pekerja asing warga**

Bangladesh di sektor **pembuatan, pembinaan, perladangan, perkhidmatan, pertanian dan perlombongan & pengkuarian.**

Impak langsung MoU yang ditandatangani oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Bangladesh adalah untuk **memenuhi sebahagian besar** keperluan majikan dalam **pekerjaan asas berkemahiran rendah (*low-skilled elementary occupations*) yang kurang menarik minat pekerja tempatan.**

MoU yang ditandatangani dengan Kerajaan Bangladesh ini membolehkan **pengambilan dan penggajian pekerja asing warga Bangladesh dijalankan dengan adil (fair recruitment)** melalui dengan **saluran yang sah, teratur dan selamat** selaras dengan **undang-undang kedua-dua negara dan standard perburuhan antarabangsa.**

Sekian, terima kasih.